

هوڠ ليونڠ م.س.أ.ج. تكافل



HongLeong MSIG Takaful

HLM Takaful *Fit CI*

Selangkah ke Hadapan



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-7650 1800
Layari www.hlmtakaful.com.my

BestBrands in Takaful Solutions
The Brandlaureate World Halal
Best Brands Awards 2018

Selangkah ke Hadapan

Ketika usia muda, anda bersedia merangkul semua peluang dan membuat sesuatu yang bermakna untuk diri anda. Namun, sebelum mengejar impian anda, majulah selangkah ke hadapan dan dapatkan perlindungan.

Mulakan pengembaraan anda sekarang dengan pelan Takaful penyakit kritikal mampu milik yang memberikan anda perlindungan tanpa komitmen tinggi.

Memperkenalkan HLM Takaful *Fit* CI, pelan ideal yang melindungi anda terhadap 10 Penyakit Kritikal utama dengan membayar 100% jumlah dilindungi asas selepas diagnosis.

Lebih-lebih lagi, pendaftaran bagi pelan HLM Takaful *Fit* CI adalah mudah kerana apa yang diperlukan hanyalah menjawab soalan kesihatan yang mudah. Tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan. Satu lagi manfaat hebat, pelan anda akan diperbaharui secara automatik untuk perlindungan selama 10 tahun lagi tanpa pengunderaitan sehingga 2 kali!

Mengapa HLM Takaful *Fit* CI?

Pelan Takaful yang didatangkan dengan Penjejak Kesihatan (**FITNESS TRACKER**)

Jadi lebih cergas untuk mendapatkan **GANJARAN**

Dapatkan perlindungan terhadap **10 PENYAKIT KRITIKAL UTAMA**



Hanya RM3.30 sehari, dapatkan perlindungan sehingga **RM1 JUTA***

SUMBANGAN TETAP selama **10 TAHUN!**

* Untuk individu berumur 21 - 25

Nota: Ciri-ciri produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

Melindungi 10 Penyakit Kritikal

Sekiranya anda didiagnosis dengan salah satu Penyakit Kritikal di bawah*, 100% daripada jumlah dilindungi asas akan dibayar kepada anda untuk menguruskan kos perubatan yang semakin meningkat dan perbelanjaan lain yang termasuk dalam perjalanan pemulihan anda, memberikan anda dan keluarga ketenangan fikiran.

- 1 Serangan Jantung
- 2 Kanser
- 3 Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
- 4 Kardiomiopati
- 5 Pembedahan Injap Jantung
- 6 Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
- 7 Penyakit Arteri Koronari Serius
- 8 Pembedahan Aorta
- 9 Strok/Angin Ahmar
- 10 Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk

*Dengan syarat anda hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis.

Nota: Sila rujuk sijil Takaful untuk definisi Penyakit Kritikal di atas.

Aplikasi HLM Takaful *Fit*

Jadi lebih cergas untuk mendapatkan ganjaran dengan aplikasi serba baharu HLM Takaful iaitu HLM Takaful *Fit*, yang disertakan kepada pelan HLM Takaful *Fit* CI. Anda juga akan menerima penjejak kesihatan untuk memudahkan perjalanan anda ke arah hidup yang lebih sihat dan mengekalkan motivasi anda.

Anda hanya perlu memuat turun dan mengaktifkan aplikasi HLM Takaful *Fit*, yang disambungkan kepada penjejak kesihatan anda. Aplikasi HLM Takaful *Fit* kemudian akan mula menyimpan jejak aktiviti harian anda apabila anda berjalan dan berlari, juga kadar denyutan jantung dan corak tidur anda. Maklumat biologi ini akan disimpan di dalam aplikasi HLM Takaful *Fit* yang akan mengira dan mengukur umur biologi anda.

Semakin cergas anda, semakin rendah umur biologi anda, semakin banyak mata yang anda boleh kumpul untuk mendapatkan ganjaran hebat, secara mingguan! Lanya semudah itu!



Bagaimana Ia Berfungsi

Daftar

Daftar untuk pelan HLM Takaful *Fit* CI!

Jejak

- Terima penjejak kesihatan
- Muat turun dan aktifkan aplikasi HLM Takaful *Fit*
- Aktifkan diri anda dan jejak aktiviti harian anda
- Berdasarkan maklumat tersebut, aplikasi akan mengira dan mengukur umur biologi anda

Ganjaran

Semakin cergas anda, semakin rendah umur biologi anda, dan semakin banyak mata yang akan anda terima setiap minggu!

Ringkasan

Umur Kemasukan	21 tahun (harijadi berikutnya) – 60 tahun (harijadi berikutnya)
Jumlah Dilindungi Asas	Bergantung kepada umur kemasukan dan jantina
Sumbangan Tahunan	RM1,200*
Kekerapan Bayaran	Tahunan, Setengah Tahunan, Suku Tahunan atau Bulanan
Tempoh Perlindungan & Tempoh Bayaran Sumbangan	10 tahun

**Nota: Sumbangan yang lebih tinggi mungkin akan dikenakan ketika pembaharuan disebabkan peningkatan dalam umur*

Pengecualian

Tiada manfaat yang akan dibayar jika penyakit dilindungi disebabkan oleh kejadian berikut:

- (a) Penyakit Sedia Ada;
- (b) Tanda atau simptom penyakit dilindungi yang ditunjukkan sebelum atau:
 - (i) dalam tempoh 60 hari berkaitan:
 - Kanser
 - Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
 - Serangan Jantung
 - Penyakit Arteri Koronari Serius
 - (ii) dalam tempoh 30 hari bagi semua penyakit dilindungi yang tidak dinyatakan di dalam perkara (i) di atas,
dari tarikh permulaan sijil atau tarikh pengembalian semula, yang mana lebih kemudian.
- (c) Kematian Orang Dilindungi dalam tempoh 30 hari selepas tarikh diagnosis oleh mana-mana satu penyakit dilindungi.
- (d) Orang Dilindungi sendiri adalah ahli sukan profesional.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil Takaful bagi senarai penuh pengecualian.

Nota Penting

1. Risalah ini menyediakan ringkasan ciri-ciri utama produk dan tidak boleh dianggap sebagai sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk untuk maklumat lanjut dan sijil Takaful bagi terma dan syarat penuh produk ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian produk untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil telah dihantar kepada anda.
5. Ini adalah produk Takaful penyakit kritikal standalone.
6. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai "Takaful Perubatan dan Kesihatan" di mana-mana cawangan kami, atau lawati www.insuranceinfo.com.my.
7. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful kami yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

AHLI



Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Section 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari www.hlmtakaful.com.my atau
fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful